



International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies
(IJWCPS)
Universiti Sains Malaysia
<https://ejournal.usm.my/ijwcps/>
e-ISSN: 3030-5071
Volume 4 March 2026: 01-25

Submission date: 30.06.2025 Accepted date: 03/09/2025 Published date: 01/03/2026

**Resensi Buku: *Sejarah Falsafah Karya*
Ahmad Sunawari Long
(*Book Review: Sejarah Falsafah by*
Ahmad Sunawari Long)**

Mastura Abd Wahab*
Universiti Sains Malaysia

***Corresponding Author: masturawahab@student.usm.my**

Abstrak

Ilmu falsafah merupakan salah satu cabang ilmu yang mengkaji asas permulaan sesuatu ilmu lain. Subjek '*Falsafah dan Isu Semasa*' merupakan salah satu subjek wajib universiti yang wajib dipelajari oleh semua mahasiswa universiti awam di Malaysia sejak tahun 2019. Oleh itu, buku *Sejarah Falsafah* karya Ahmad Sunawari Long merupakan salah satu rujukan penting dalam pengajian falsafah, khususnya dalam konteks pengajian falsafah Islam dan Barat di Malaysia. Buku ini memperkenalkan perkembangan falsafah secara kronologi bermula dari zaman Yunani purba hingga ke zaman moden serta menyentuh pemikiran tokoh-tokoh besar seperti Plato, Aristotle, al-Farabi, dan Ibn Sina. Disusun dengan pendekatan yang sistematik dan mudah difahami, buku ini berfungsi sebagai sumber rujukan asas kepada pelajar dan penyelidik dalam bidang falsafah, pemikiran Islam, serta sains kemanusiaan. Resensi ini meneliti kandungan, matlamat penulisan serta keistimewaan buku tersebut dari sudut ilmiah dan pendidikan. Artikel ini turut menyentuh sumbangan intelektual Ahmad Sunawari Long sebagai tokoh akademik Islam kontemporari yang banyak menyumbang dalam pemeraksanaan wacana falsafah Islam di Malaysia.

Kata Kunci: falsafah, *Sejarah Falsafah*, Ahmad Sunawari Long.

Abstract

Philosophy is a branch of knowledge that explores the fundamental principles of other disciplines. The course titled ‘Philosophy and Current Issues’ has been a mandatory university class for all undergraduate students in public universities in Malaysia since 2019. Therefore, the book *Sejarah Falsafah* (History of Philosophy) by Ahmad Sunawari Long is an essential reference for studying philosophy, especially in the context of Islamic and Western philosophies in Malaysia. This book traces the chronological development of philosophy from ancient Greek times to the modern era, emphasizing the ideas of major figures such as Plato, Aristotle, al-Farabi, and Ibn Sina. Written in a clear and organized way, the book serves as a foundational resource for students and researchers interested in philosophy, Islamic thought, and the humanities. This review discusses the content, goals, and scholarly value of the book. It also highlights the contributions of Ahmad Sunawari Long as a contemporary Islamic scholar who has made significant advances in Islamic philosophical discourse in Malaysia.

Keywords: philosophy, *Sejarah Falsafah*, Ahmad Sunawari Long.

Pengenalan Falsafah dan Kepentingannya

Ilmu falsafah merupakan ilmu induk atau asas permulaan sesuatu ilmu lain. Perkataan falsafah berasal daripada gabungan dua perkataan Greek (Yunani) iaitu *philo* atau *philos* yang bermaksud ‘cinta’ serta *sophia* atau *sophos* yang bererti ‘hikmah’ (Abdul Jalil, 1989; Ahmad Sunawari, 2021). Oleh itu, falsafah atau *philosophy* (dalam bahasa Inggeris) bermaksud ‘cintakan hikmah’ (*love of wisdom*). Ahli falsafah atau *philosopher* (dalam bahasa Inggeris) pula adalah ‘orang yang mencintai hikmah’ (Abdul Jalil, 1989; Ahmad Sunawari, 2021).

Berdasarkan sejarah, Phytagoras (580-500 S.M.), seorang pengasas kepada pemikiran Phytagorean merupakan orang terawal yang menyebut perkataan falsafah. Beliau juga dikenali dengan jolokan *wise man* (lelaki bijak) oleh masyarakat Yunani. Namun begitu, istilah falsafah dan ahli falsafah lebih bermakna dan popular apabila digunakan oleh dua ahli

falsafah Yunani yang terkenal, iaitu Plato (427-347 S.M.) dan anak muridnya Aristotle (384-322 S.M.) (Ahmad Sunawari, 2021). Beberapa ahli falsafah telah memberikan definisi tersendiri kepada ilmu falsafah. Aristotle mendefinisikan falsafah sebagai satu ilmu yang mengkaji hakikat zat sesuatu (*being as being*) dan penyebab utama (*first principle*) (Adel, 1996; Hazmiza & Akhmal, 2024). Beliau juga merujuk falsafah sebagai suatu ilmu yang cuba memahami hakikat ketuhanan (metafizik), struktur dunia fizikal, tujuan kehidupan manusia, dan hubungannya dengan alam (Adel, 1996; Hazmiza & Akhmal, 2024). Plato pula memaknai falsafah sebagai suatu kajian terhadap sesuatu yang benar (*truth*), baik (*good*) dan cantik (*beautiful*) (McAleer, 2020; Hazmiza & Akhmal, 2024).

Ahli falsafah Islam, Al-Kindi (185H/801M-260H/873M) mengistilahkan falsafah sebagai suatu ilmu mengenai hakikat sesuatu (juga dianggap hakikat Tuhan) yang berada dalam kemampuan manusia untuk menjanggapinya. Al-Farabi (339H/950M) pula mendefinisikan falsafah sebagai cintakan kebijaksanaan atau hikmah dan ia merupakan asas bagi segala ilmu (Idris & Ahmad Sunawari, 2013; Ahmad Sunawari, 2021). Ahli falsafah lain seperti Bertrand Russell (1991), John Locke (1992) dan Rene Descartes (1596-1650) juga memberikan maksud tersendiri kepada ilmu Falsafah. Secara ringkasnya, ilmu falsafah terbahagi kepada beberapa cabang bidang seperti metafizik, epistemologi, falsafah akhlak, falsafah kemanusiaan, falsafah politik, etika, estetika, falsafah minda dan sebagainya (Ahmad Sunawari, 2021).

Pada 25 September 2019, Menteri Pelajaran Malaysia, Dr. Maszlee Malik telah mewajibkan seluruh pelajar universiti awam dan swasta untuk mempelajari subjek '*Falsafah dan Isu Semasa*' (Luqman Arif, 2019). Kursus ini bertujuan bagi menyediakan generasi baharu supaya berfikir secara kritikal dan rasional bagi menghadapi pelbagai cabaran falsafah, ideologi dan isu-isu semasa (Roz Aiza & Latifah, 2022). Menurut HAMKA dalam bukunya *Falsafah Hidup* (1940), falsafah ditanggapi sebagai satu ilmu yang memerlukan proses pemikiran yang rumit dan bersifat eksklusif. Terdapat juga sekelompok masyarakat Islam yang tidak bersetuju untuk menggunakan falsafah dalam proses berfikir. Budaya dan sikap negatif ini akan merugikan umat Islam. Cabaran Revolusi Perindustrian 4.0 dan Revolusi Masyarakat 5.0 dengan kepesatan teknologi internet dan pendigitalan membuatkan capaian maklumat secara *world-wide* adalah masa kini dengan tanpa sempadan. Hal ini

menunjukkan kepentingan ilmu falsafah kepada manusia agar ilmu teknologi atau segala maklumat dapat dicerna oleh akal manusia dengan baik dan diambil manfaat semaksimumnya (Muhammad Rijal, 2021). Segala maklumat palsu dan kefahaman yang menyalahi logik serta kemaslahatan awam dihindarkan semampunya.

Kepentingan mempelajari dan mengkaji ilmu falsafah ini dijelaskan dalam kata-kata hikmah oleh Ludwig Wittgenstein (1889–1951), seorang ahli falsafah Austria-Inggeris pada abad ke-20 dalam bukunya *Tractatus Logico-Philosophicus* (2001): “*The object of philosophy is the logical clarification of thought. Philosophy is not a theory but an activity.*” Ayat tersebut menunjukkan bahawa falsafah berperanan sebagai alat untuk menjernihkan cara manusia berfikir, bukan sekadar menghasilkan teori-teori. Falsafah adalah suatu ilmu yang membantu kita memahami dan menilai makna di sebalik kata-kata dan konsep, agar tidak terperangkap dalam kekeliruan bahasa atau salah faham intelektual. Ini menjadikan falsafah penting dalam membentuk pemikiran yang tajam, tersusun dan kritis dalam memahami pelbagai persoalan hidup dan ilmu.

Dapatan Kajian

1. Latar belakang ringkas Ahmad Sunawari Long

Nama penuh beliau adalah Ahmad Sunawari Bin Long. Beliau merupakan pensyarah di Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau berkelulusan Sarjana Muda Usuluddin dan Falsafah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1989, graduan Sarjana Falsafah di Universiti Nottingham pada tahun 1993 dan memperoleh Doktor Falsafah dalam bidang Pemikiran Islam di Universiti Malaya (UM) pada tahun 2011 (Laman Web Sarjana UKM, 2025).

Selain menjalankan tugas hakikinya sebagai pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), beliau turut aktif menyumbang dalam pelbagai jawatankuasa di peringkat institusi dan nasional. Di peringkat dalaman UKM, beliau pernah terlibat sebagai ahli Jawatankuasa Kariah Masjid UKM (2016), dilantik sebagai MALIM dalam bidang falsafah (2017–2019), dan menyumbang kepada pembangunan modul Kursus Open and Distance Learning (ODL) bagi program Ijazah Sarjana Muda

Pengajian Islam (Usuluddin dan Falsafah) antara 2020 hingga 2021. Beliau juga terlibat dalam pelbagai penganjuran persidangan seperti ICONFIQH 2021, Nadwah Ulama Nusantara IX 2021, serta Persidangan HADIJ 2023. Di samping itu, beliau memainkan peranan dalam Jawatankuasa Persidangan, Penerbitan, Penyelidikan dan Inovasi di Pusat Usuluddin (2022), serta menjadi ahli Jawatankuasa Induk Semakan Program Prasiswazah Fakulti Pengajian Islam untuk sesi 2023 dan 2024. Lebih jauh, beliau menyumbang kepada perancangan strategik melalui penglibatan dalam Jawatankuasa Induk dan Pembangunan Pelan Strategik Fakulti Pengajian Islam 2025–2030.

Pada masa yang sama, beliau turut giat memberikan sumbangan di peringkat luar universiti. Antara sumbangan utama termasuk penglibatan dalam pembangunan politik Parti Islam, panel temuduga Biasiswa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), dan pembinaan modul Sijil Tinggi dalam bidang Akidah, Perbandingan Agama, Tasawuf dan Pemikiran Islam. Beliau juga terlibat dalam Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik (JPPA) serta merupakan ahli kepada badan antarabangsa seperti *The American Philosophical Association*. Di peringkat kebangsaan, beliau sering dilantik sebagai panel dan pakar penilai dalam audit akreditasi program pengajian tinggi (seperti UTM dan UIAM), serta berperanan dalam penilaian jurnal ilmiah menerusi MyCite dan ASEAN Citation Index (ACI) bagi tempoh 2021 hingga 2024. Keseluruhannya, penglibatan aktif beliau mencerminkan komitmen tinggi terhadap pembangunan akademik, pemikiran Islam dan kemajuan institusi pendidikan dalam dan luar negara.

Terdapat banyak lagi sumbangan beliau secara dalaman dan luar sepanjang menjadi sarjana di UKM. Maklumat-maklumat tersebut boleh didapati di dalam Curriculum Vitae beliau sendiri di laman web Sarjana UKM, iaitu di https://ukmsarjana.ukm.my/main/muatturun_cv/SzAwNTg2OA==.

Ahmad Sunawari Long juga telah menghasilkan 12 buah buku, puluhan bab dalam buku serta puluhan artikel jurnal berindeks, artikel prosiding dan buku penyelidikan (Laman Web Sarjana UKM, 2025). Sumbangan ilmiah beliau juga merangkumi pelbagai bidang seperti berikut: falsafah kemanusiaan, usuluddin, dakwah, pemikiran Islam, gerakan Islam, dan kontemporari Islam (Laman Web Sarjana UKM, 2025). Antara karya ilmiahnya bersama penulis lain adalah seperti berikut:

1. *Tabung Haji Melangkaui Peradaban dan Zaman* (2024)
2. *Falsafah Minda* (2021)
3. *Modul Sijil Tinggi Akidah dan Pemikiran Islam* (2015)
4. *Citra Usuluddin dan Falsafah* (2015)
5. *Falsafah Ibn Khaldun* (2015)
6. *Metodologi Pengajian Islam* (2014)
7. *Issues & Challenges of Contemporary Islam and Muslims* (2009)
8. *Islam: Pemikiran Dan Kehidupan* (2009)
9. *Wacana Muslim Asia Tenggara* (2008)
10. *Issues of Culture and Thought Malaysia-Jordan Perspectives* (2007)
11. *Sejarah Falsafah* (2006)

Sepanjang perkhidmatannya sebagai pendidik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), beliau telah menerima pelbagai pengiktirafan atas sumbangan dan kecemerlangannya dalam bidang akademik dan pengajaran. Antara anugerah yang diterima termasuk beberapa kali Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), iaitu pada tahun 2002, 2009 dan 2016, serta Anugerah Perkhidmatan 20 Tahun pada tahun 2015. Selain itu, beliau juga telah dianugerahkan Anugerah Pengajar Cemerlang sebanyak lima kali, termasuk pada tahun 2004, 2014, 2017, 2020 dan 2021, yang mencerminkan komitmen beliau yang berterusan dalam memperkasa kualiti pengajaran dan pembelajaran di peringkat institusi (Laman Web Sarjana UKM, 2025).

2. Pengenalan Ringkas Buku *Sejarah Falsafah*

Buku *Sejarah Falsafah* oleh Ahmad Sunawari Long ini adalah Edisi Kedua, cetakan ketiga yang diterbitkan oleh Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, Selangor pada tahun 2021. Buku ini adalah setebal 262 muka surat. Buku ini pada mulanya dicetak pada tahun 2006. Kemudian, Edisi Kedua, cetakan pertama adalah pada tahun 2008, diikuti cetakan kedua pada tahun 2015 dan cetakan ketiga pada tahun 2021.

Pada asalnya, cetakan pertama (2006) buku ini hanya memuatkan 9 bab. Namun, pada edisi kedua (2015), Ahmad Sunawari membuat penambahan satu bab baru dalam buku ini berkaitan perbincangan sejarah dan pemikiran falsafah Islam, iaitu pada bab kesepuluh. Walaupun perbincangan bab itu berbentuk ringkas dan bersifat pengenalan, namun Ahmad Sunawari cuba menelusuri sejarah dan pemikiran falsafah serta ahli falsafah Islam bermula abad ke-7 Masihi hingga zaman kontemporari secara padat dan menyeluruh (Ahmad Sunawari, 2015; 2021). Oleh itu, buku *Sejarah Falsafah* edisi kedua ini bukan sahaja membicarakan sejarah falsafah Barat, namun, perbincangan berkenaan sejarah falsafah Islam turut dimuatkan bagi mewujudkan satu bahan bacaan dan rujukan falsafah yang komprehensif dan lengkap buat para pembaca.

Buku *Sejarah Falsafah* (2021) ini mengandungi 10 bab utama, iaitu:

Bab 1: Latar Belakang Falsafah (muka surat 9-25).

Bab ini memperkenalkan definisi falsafah dari sudut bahasa iaitu berasal daripada dua perkataan Yunani: *philein* (menyintai) dan *sophos* (hikmah), membawa maksud “cinta kepada hikmah”. Hikmah (kebijaksanaan) digunakan dalam konteks aktiviti intelektual yang merangkumi bidang ilmu, pemahaman, percambahan sudut pandangan, pengamalan moral dan sikap yang membawa kepada kebahagiaan.

Ahli Falsafah Yunani bernama Phytagoras (580-500 S.M.) merupakan sarjana terawal yang menggunakan perkataan falsafah. Beliau menggunakan ilmu falsafah sebagai satu medium dalam melatih kekuatan mental generasi muda Yunani melalui kaedah hafalan. Selain itu, Phytagoras juga mengajar pendidikan agama dan peraturan hidup berdasarkan undang-undang alam. Plato pula mendefinisikan falsafah sebagai suatu keadaan atau suasana seseorang itu berusaha mendapatkan hikmah melalui ‘dialektika’ bagi mengetahui kebenaran atau hakikat serta memperoleh *virtue* (ilmu untuk hidup dengan sebaik-baiknya). Dalam sebuah karya bertajuk *Metaphysics* yang ditulis oleh Aristotle (384-322 S.M.) (anak murid Plato) mendefinisikan falsafah sebagai suatu ilmu yang mengkaji hakikat ketuhanan (metafizik), struktur dunia fizikal, tujuan manusia hidup serta hubungannya dengan alam semesta.

Ahli falsafah Islam seperti al-Kindi (185/801-260/873) juga menjelaskan bahawa falsafah adalah satu ilmu yang mengakaji hakikat ketuhanan yang berada dalam kemampuan manusia untuk memahaminya. Al-Farabi (339H/950M) pula menyatakan bahawa falsafah adalah cintakan hikmah atau kebijaksanaan dan ilmu ini merupakan asas bagi segala ilmu lain. Hikmah pula dirujuk sebagai *makrifatullah* (menenal wujudnya zat atau sifat kesempurnaan Allah SWT).

Bab ini juga membincangkan berkenaan sifat falsafah yang menekankan konsep (idea) yang memerlukan kepada pengkajian mendalam dan kefahaman terhadap sesuatu fakta. Islam juga menggalakkan umatnya untuk berfikir menggunakan logik akal yang berpandukan wahyu al-Quran (al-Hasyr: 2; al-Nur: 21; Ali-Imran: 13). Secara signifikannya, ilmu falsafah dapat merungkaikan masalah dan memberi jalan penyelesaian kepada sesuatu masalah tersebut. Aristotle juga menyatakan bahawa falsafah juga dapat membawa manusia ke arah kebahagiaan (eudaimonia) spiritual dan mental sekiranya seseorang itu berfikir terhadap sesuatu Hakikat Tertinggi (*Reality*). Selain itu, falsafah juga membawa kepada empat kebaikan fizikal iaitu:

1. keperluan biologi (makanan, minuman, tempat tinggal, pakaian);
2. keperluan jasad (kesihatan dan kepuasan tubuh badan);
3. keperluan luaran (kekayaan harta benda);
4. kebaikan roh (manusia secara semula jadi suka bertanya (*asking*), berfikir (*thinking*) dan ingin tahu (*curious*) terhadap sebab dan akibat berlakunya sesuatu perkara.

Tambahan pula, dengan falsafah, manusia dapat merungkai persoalan di luar alam empirikal, iaitu berkaitan metafizik seperti: Bagaimanakah zat ketuhanan? alam ini mempunyai tujuan atau tidak? Adakah manusia mempunyai roh? Adakah manusia itu bebas atau sebaliknya? Adakah manusia hidup sesudah mati? Dan banyak lagi. Jadi, ilmu falsafah digunapakai untuk menghuraikan secara terperinci berkaitan persoalan-persoalan tersebut dalam mencari hakikat atau realiti sebenar sesuatu perkara. Dalam memahami sesuatu budaya kaum tertentu, ilmu falsafah dijadikan alatnya untuk mengetahui pelbagai kebudayaan sesuatu bangsa serta corak pemikiran masyarakat setempat ataupun budaya luar. Sebagai contoh, apabila sesebuah negara dijajah oleh mana-mana kuasa besar,

masyarakat setempat dapat mengenali budaya dan falsafah yang dibawa oleh penjajah tersebut dan malahan, penjajah tersebut juga hendaklah mempelajari dan memahami budaya dan falsafah masyarakat setempat supaya mereka dapat lebih mudah menakluk negara tersebut. Akhir sekali, ilmu falsafah adalah suatu ilmu yang sentiasa berkembang bermula daripada tamadun Yunani hingga ke zaman moden kini. Walaupun ramai yang mengatakan bahawa ilmu sains lebih berkembang, namun, ilmu falsafah juga berkembang sejajar dengan ilmu sains kerana falsafah juga digunakan untuk menghuraikan permasalahan dalam ilmu sains tabii (biologi, fizik dan kimia).

Bab 2: Pengkajian dalam Falsafah (muka surat 26-43).

Bab ini membincangkan metodologi dan pendekatan dalam kajian falsafah, termasuk analisis logik dan kritikal terhadap pelbagai persoalan asas. Empat permasalahan utama dalam bidang falsafah adalah merangkumi:

1. hakikat atau kewujudan (metafizik, ontologi dan kosmologi);
2. ilmu (epistemologi, logik, falsafah sains dan falsafah bahasa);
3. nilai (aksiologi, estetika, etika dan falsafah agama);
4. kemasyarakatan (falsafah ekonomi, sosial dan politik)

Pengkajian dalam falsafah dimulai dengan persoalan dalam diri seseorang sama ada sesuatu itu benar atau wujud? Decartes, seorang ahli falsafah Perancis dalam bidang Matematik memulakan aktiviti berfalsafah dengan proses berfikir mengenali dirinya sendiri: “Saya ragu oleh itu saya berfikir.” Dengan kaedah ini, beliau akan memikirkan tentang hakikat kewujudan sesuatu seperti kewujudan dirinya. Sekiranya dia berjaya memikirkan dirinya, hal ini bermakna dia semestinya wujud: Saya berfikir. Oleh itu, itulah saya. Secara logiknya, seseorang tidak mungkin dapat mewujudkan dirinya sendiri melainkan dengan suatu kuasa yang lebih agung, kekal, maha mengetahui dan sempurna berbanding dirinya. Oleh itu, kuasa tersebut ialah Tuhan. Dari titik itu, beliau menyimpulkan bahawa Tuhan itu wujud. Kewujudan alam juga disedari apabila dia menggunakan pancainderanya. Menurut Decartes, kesemua pancaindera boleh dipercayai kerana ia merupakan ciptaan Tuhan (Fiebleman 1973).

Kaedah berfikir dalam falsafah merangkumi dua bentuk: bersifat kritis dan komprehensif.

1. Kaedah Komprehensif: Ini kerana persoalan-persoalan dalam falsafah berbeza dengan persoalan-persoalan dalam ilmu lain seperti matematik, sejarah, fizik. Persoalan falsafah lebih terfokus untuk mencari makna sesuatu ilmu, mencari jawapan tentang hakikat sesuatu benda (*being qua being*) sebagaimana yang dinyatakan oleh ahli falsafah Yunani, Aristotle: Apakah itu *being*? Adakah *being* wujud? Persoalan-persoalan tersebut tidak berbentuk saintifik (intra-saintifik) secara langsung seperti: Berapakah kelajuan cahaya? Ini kerana persoalan dalam falsafah kadangkala membawa kekeliruan dan pemikiran yang mendalam untuk mencari jawapan. Sebagai contoh: Apakah itu agama? Kenapa manusia perlu beragama? Bagi menjawab persoalan tersebut, ia memerlukan kajian-kajian ahli falsafah agama di samping pendapat ahli psikologi, sosiologi dan agamawan. Oleh itu, falsafah membuatkan manusia mencari jawapan sesuatu persoalan berdasarkan kekuatan soalan yang diajukan. Akhir sekali, persoalan dalam falsafah juga membawa kepada kajian yang komprehensif merangkumi pelbagai disiplin termasuk sains, sosiologi, teologi dan lain-lain. Contohnya: Adakah tanggungjawab moral selari dengan konsep kebebasan memilih dan konsep qada' dan qadar? Adakah Tuhan mencampuri dalam urusan manusia? dan sebagainya (Ahmad Sunawari, 2015).
2. Berfikir secara Kritis: Emmanuel Kant (1724-1804), seorang ahli falsafah German memberitahu muridnya agar pemikiran kritis amat diperlukan dalam ilmu falsafah. Dalam mencari jawapan, manusia perlu sentiasa bersoal jawab dengan lebih mendalam dan terperinci bagi menguatkan hujah hakikat sesuatu perkara itu berlaku (Tomlin, 1968). Socrates juga telah mengemukakan empat prinsip asas dalam berfikir kritis, iaitu: i) kehidupan yang tidak diuji periksa adalah tidak bermakna; ii) sekiranya seseorang ingin hidup bahagia dan penuh keadilan, ia perlu mematuhi prinsip pemikiran dan undang-undang alam tabii; iii) kebenaran berada dalam diri seseorang, bukannya daripada mana-mana planet, pegangan tradisi atau pandangan masyarakat setempat; dan iv) ahli

falsafah boleh dijadikan sebagai orang yang memulakan pertanyaan untuk menimbulkan rasa ingin tahu dalam diri manusia (Ahmad Sunawari, 2015).

Bab 3: Perkembangan Falsafah Zaman Pra-Socrates-Neoplatonisme (muka surat 44-85).

Bab ini mengupas evolusi pemikiran falsafah dari tokoh-tokoh awal seperti Thales dan Heraclitus hingga kepada Plotinus, serta peralihan dari mitos kepada logos dalam memahami alam semesta. Ilmu falsafah mula diiktiraf pada zaman Pra-Socrates di Yunani lebih kurang abad keenam S.M. Pada zaman inilah munculnya Plato (428 S.M.) dan Aristotle (384 S.M.), dua tokoh utama ahli falsafah Yunani. Antara tiga isu utama yang timbul adalah mengenai hakikat dan perubahan, serta akal dan etika.

Pada zaman ini juga, muncul ramai ahli falsafah seperti:

1. Thales (640-550 S.M.): seorang ahli falsafah Yunani yang merupakan ketua kumpulan '*Seven wise Men*' yang popular dalam bidang pentadbiran, geometri, pelayaran, astronomi atau falak (ilmu yang mengkaji tentang pergerakan jasad-jasad di langit seperti Bulan, Matahari, bintang, planet, komet, buruj dan galaksi). Thales sentiasa menggunakan akal fikirannya untuk menyelidiki dan memahami alam sekitarnya. Beliau menyimpulkan bahawa terdapat pelbagai kewujudan benda di alam ini dan mendapati air merupakan bahan utama dalam sesuatu proses kewujudan sesuatu benda (Ahmad Sunawari, 2021).
2. Anaximander (610-547 S.M.): Beliau adalah anak murid Thales yang mahir dalam bidang metafizik, astronomi, geometri dan geografi pula tidak begitu terkenal. Beliau adalah orang terawal yang melukis peta dunia berdasarkan pengalaman para pelayar dan pengembara di Miletus. Beliau berpendapat bahawa hakikat sesuatu objek itu mempunyai kecenderungan untuk berubah (*to apeiron*) hasil daripada proses pertentangan (*opposition*) yang bersifat semula jadi. Anaximander juga telah menolak teori air sebagai bahan asas sesuatu objek yang telah dikemukakan oleh gurunya, Thales. Hal ini kerana teori Thales telah menghalang kewujudan

elemen atau unsur selain air. Teori pertentangan oleh Anaximander ini telah menghasilkan teori baru, yaitu teori evolusi (perkembangan dan perubahan sesuatu objek cecair menjadi objek daratan yang lain dan seterusnya membentuk manusia) (Ahmad Sunawari, 2021).

3. Anaximenes (585 S.M.): Seorang kawan dan anak murid kepada Anaximander. Beliau menemui bahawa udara adalah elemen asas sesuatu objek, termasuk roh yang berubah melalui proses penyejatan (*evaporation*).
4. Heraclitus of Ephesus (500 S.M.): Seorang ahli falsafah Yunani yang berketurunan raja. Beliau bersependapat dengan teori pertentangan oleh Anaximander. Namun, bagi beliau, pertentangan tersebut adalah dalam bentuk kesatuan (*unity of opposites*), iaitu setiap benda di alam ini keseluruhannya adalah satu atau berdasarkan kepada satu unsur walaupun didapati dalam keadaan yang bertentangan. Primasi perubahan masih sekitar objek tunggal seperti api, air dan udara.
5. Pythagoras (570-500 S.M.): Beliau adalah pengasas kepada teori Pythagoras dan pelopor kepada kumpulan *Pythagorean Brotherhood* (kumpulan agama yang taksub kepada undang-undang dan mengamalkan kehidupan secara beruzlah (mengasingkan diri) daripada masyarakat untuk mendapatkan kemurnian dan membebaskan diri daripada tarikan badani (nafsu atau syahwat). Beliau mempercayai bahawa roh manusia dapat berpindah (transmigrasi) ke dalam badan haiwan. Roh juga akan kekal walaupun badan manusia itu telah hancur.
6. Anaxagoras (500-428 S.M.): Beliau menyatakan bahawa akal (*Nous* atau *Mind*) sebagai penyebab di luar alam fizik terhadap proses pergerakan.
7. Protagoras (490-420 S.M.): Beliau merupakan pengasas kepada pemikiran Sofisme dan merupakan orang terawal yang menerima bayaran (upah) daripada ilmu yang diajarkan. Dalam karyanya *The Truth*, beliau menyatakan bahawa manusia adalah pengukur bagi semua benda. Beliau juga percaya bahawa undang-undang lahir dari persepsi relatif (sesuatu yang berubah) individu atau masyarakat. Seseorang itu juga bersifat baik sekiranya dia dapat hidup dan menyesuaikan diri dengan undang-undang setempat.

Pada zaman Socrates (469-399 S.M), beliau telah mengembalikan suasana kehidupan dan pemikiran Yunani yang didasari oleh golongan Sofisme kepada pemikiran yang bersifat objektif dan kritis. Beliau juga merupakan pemisah corak pemikiran Yunani yang seterusnya membawa kemunculan istilah Pra-Socrates dalam sejarah pemikiran Falsafah. Beliau juga telah mengubah falsafah yang dahulunya hanya fokus kepada persoalan dan jawapan terhadap alam semula jadi kepada sesuatu ilmu yang asas dalam pendidikan, etika, kehidupan spiritual serta menghubungkannya dengan ilmu matematik, sains dan astronomi.

Kemudian, pada zaman Plato (428-348 S.M.), anak murid kepada Socrates, beliau seorang yang cintakan kebenaran. Plato amat mementingkan proses penaakulan dalam setiap perkara. Namun, beliau juga tidak menafikan proses observasi dan pengalaman daripada pancaindera. Plato juga seorang ahli falsafah yang mempunyai agama dan mempercayai bahawa kewujudan Tuhan dibuktikan melalui kaedah taakulan atau secara rasional. Hasil pemikiran falsafahnya, beliau telah menghasilkan pelbagai karya dan teori-teori baru seperti teori bentuk (*form*), teori ilmu (*knowledge*), teori kiasan gua, teori pembahagian (garisan pembahagi), teori negara ideal dan teori perbandingan. Huraian lengkap mengenai teori-teori ini ada dijelaskan dalam bab ini.

Selepas itu ialah zaman Aristotle (384-323 S.M.). Aristotle pula menekankan logik dan empirisme, serta membina sistem falsafah yang menyeluruh merangkumi etika, politik, metafizik dan biologi. Bab ini turut membincangkan Neoplatonisme melalui tokoh seperti Plotinus, yang menggabungkan falsafah Plato dengan unsur mistik dan spiritual. Neoplatonisme menekankan konsep “Yang Satu” atau Tuhan sebagai Prinsip Pertama (*First Principle*) atau asas segala kewujudan, dan proses emanasi sebagai cara dunia terbentuk. Pemikiran ini memberi pengaruh besar kepada falsafah Islam dan Kristian, terutama dalam memahami hubungan antara Tuhan, alam dan manusia. Bab ini menunjukkan bagaimana falsafah awal berkembang daripada pemerhatian alam kepada renungan metafizik yang mendalam.

Bab 4: Perkembangan Falsafah Abad Pertengahan-Moden (muka surat 86-114).

Bab ini membincangkan peralihan falsafah daripada era pertengahan yang dipengaruhi oleh agama kepada era moden yang lebih rasional dan empirikal. Pada zaman pertengahan, falsafah banyak berkait rapat dengan teologi, khususnya dalam tradisi Kristian, Yahudi dan Islam. Tokoh seperti St. Augustine (304-430 M) dan Thomas Aquinas (1225-1274 M.) cuba menggabungkan ajaran agama Kristian dengan pemikiran falsafah Yunani, terutamanya Plato dan Aristotle. Mereka percaya bahawa akal dan wahyu boleh saling melengkapi dalam memahami Tuhan dan alam semesta.

Pada era zaman moden, berlaku perubahan besar dalam pendekatan falsafah. René Descartes (1596-1650 M) yang berpendapat bahawa akal merupakan asas dan panduan kepada kebenaran (*truth*). John Locke (1632-1704 M) pula menekankan bahawa penggunaan pancaindera adalah penting untuk mencapai pengetahuan berbanding membuat andaian berdasarkan gerak hati semata-mata. Immanuel Kant (1724-1804 M), pelopor kepada falsafah Idealisme yang menekankan kepada kebebasan untuk memilih serta doktrin realiti kepada hakikat tertingginya adalah berbentuk spiritual dengan menganggap alam tabii sebagai cerminan roh. Tokoh-tokoh ini membuka jalan kepada pemikiran moden yang lebih bebas daripada autoriti agama dan tradisi seperti falsafah realisme oleh Herbart (1776-1841 M), falsafah idealisme mutlak oleh Hegel (1770-1831), falsafah pesimisme oleh Arthur Schopenhauer (1778-1860) dan positivisme oleh Comte (1798-1857) (Ahmad Sunawari, 2021).

Bab ini juga menunjukkan bagaimana falsafah moden mula memberi tumpuan kepada isu-isu seperti kebebasan individu, hak asasi, dan struktur sosial. Pemikiran falsafah tidak lagi terhad kepada metafizik dan teologi, tetapi meluas kepada bidang politik, ekonomi dan sains. Perkembangan ini mencerminkan perubahan besar dalam cara manusia memahami diri, masyarakat dan alam, serta peranan akal dalam membentuk dunia moden.

Bab 5: Metafizik (muka surat 115-130).

Metafizik (Yunani: *meta ta phusika*) ialah cabang falsafah yang paling mendalam dan abstrak, kerana ia membincangkan persoalan yang melangkaui alam fizik, seperti hakikat kewujudan dan realiti. Dalam bab ini, penulis meneroka pelbagai konsep metafizik seperti benda, jiwa, ruang, masa, sebab-musabab dan Tuhan. Metafizik cuba menjawab soalan-soalan asas seperti: Apakah yang benar-benar wujud? Adakah dunia fizikal satu-satunya realiti? Apakah sifat Tuhan dan bagaimana hubungan-Nya dengan alam? Persoalan-persoalan ini telah menjadi tumpuan utama falsafah sejak zaman Yunani hingga ke era moden.

Penulis membandingkan pandangan metafizik Barat yang cenderung kepada dualisme (seperti pemisahan antara tubuh dan jiwa oleh Descartes) dan materialisme (yang menekankan realiti fizikal semata-mata), dengan pandangan Islam yang berasaskan tauhid dan kesatuan wujud. Dalam falsafah Islam, Tuhan ialah sumber segala kewujudan dan segala sesuatu bergantung kepada-Nya. Konsep seperti wujud hakiki, wujud mungkin dan wujud wajib digunakan untuk memahami pelbagai bentuk kewujudan dalam kerangka metafizik Islam .

Bab ini juga membincangkan pecahan-pecahan ilmu metafizik, iaitu:

1. Ontologi (ilmu yang membahaskan benda wujud dan sifatnya).
2. Kosmologi (ilmu yang membincangkan mengenai kosmos atau alam semesta).
3. Psikologi Rasional (ilmu yang membahaskan persoalan sebenar mengenai hakikat jiwa atau roh, hubungan jiwa dengan tubuh, persoalan kesedaran dan akal).
4. Teologi Rasional (ilmu yang mengkaji ketuhanan atau perkara ghaib seperti Tuhan, dewa, malaikat, jin dan syaitan).

Bab 6: Epistemologi (muka surat 131-149).

Epistemologi adalah hasil gabungan dua perkataan Yunani (*episteme* dan *logos*). Ringkasnya, epistemologi ialah kajian tentang pengetahuan (ilmu), iaitu bagaimana manusia memperoleh, menilai dan mengesahkan sesuatu sebagai ilmu. Bab ini membincangkan tiga aliran utama epistemologi, iaitu:

1. Rasionalisme: aliran yang menekankan akal sebagai sumber utama ilmu, seperti yang dikemukakan oleh Descartes dan Spinoza.
2. Empirisme: aliran yang menekankan pengalaman deria sebagai asas pengetahuan, seperti yang dibawa oleh Locke, Berkeley, Hume dan Mill.
3. Skeptisisme: aliran yang mempertikaikan kemungkinan memperoleh pengetahuan yang pasti, dan menimbulkan persoalan tentang batas-batas akal dan deria. Aliran ini dimulakan oleh Xenophanes dan kemudiannya dikembangkan oleh Protagoras, Giorgias dan Hume.

Penulis juga membincangkan konsep-konsep penting dalam epistemologi seperti kepercayaan yang sah (*justified belief*), kebenaran, dan sumber ilmu. Dalam konteks Islam, epistemologi turut melibatkan wahyu sebagai sumber ilmu yang mutlak dan tidak terbatas kepada akal semata-mata. Tokoh seperti al-Ghazali dan Ibn Sina membincangkan bagaimana akal dan wahyu boleh saling melengkapi dalam membentuk pengetahuan yang sah dan bermanfaat. Ilmu dalam Islam bukan sekadar maklumat, tetapi juga membawa kepada hikmah dan amal.

Bab ini menunjukkan bahawa epistemologi mempunyai peranan penting dalam semua bidang ilmu, termasuk sains, agama dan etika. Ia membantu manusia memahami bagaimana mereka tahu sesuatu, apakah yang boleh dipercayai, dan bagaimana untuk membezakan antara ilmu yang sah dan yang palsu. Dalam dunia yang dipenuhi maklumat dan kepalsuan, epistemologi menjadi alat penting untuk membina pemikiran yang kritikal dan berasaskan kebenaran.

Bab 7: Falsafah Etika (muka surat 150-169).

Etika (*ethos*) ialah cabang falsafah yang membincangkan prinsip-prinsip moral dan nilai dalam kehidupan manusia. Bab ini mengupas persoalan seperti: Apakah yang menentukan sesuatu itu baik atau buruk? Adakah manusia bebas memilih tindakan mereka? Apakah tujuan hidup dari sudut moral? Penulis juga membincangkan dua cabang etika iaitu:

1. Etika Normatif: penyediaan prinsip umum mengenai tingkah laku yang menjadi asas bagi menentukan sesuatu perbuatan itu betul atau sah).
2. Etika Analitik: menyelidik atau mengkaji maksud terhadap sesuatu konsep atau istilah etika yang digariskan dalam etika normatif seperti konsep baik dan buruk.

Dalam falsafah Islam, etika berasaskan wahyu, akhlak dan maqasid syariah. Tindakan dinilai bukan sahaja dari segi akibatnya, tetapi juga niat dan kesesuaiannya dengan perintah Tuhan. Tokoh seperti al-Ghazali menekankan pentingnya penyucian jiwa dan pembentukan akhlak mulia sebagai asas kepada kehidupan yang baik. Etika Islam tidak terpisah daripada spiritualiti, dan melihat moral sebagai jalan menuju keredaan Tuhan dan kesejahteraan masyarakat.

Bab ini juga menunjukkan bahawa etika bukan sekadar teori, tetapi panduan praktikal untuk kehidupan seharian. Ia mempengaruhi cara manusia membuat keputusan, berinteraksi dengan orang lain, dan membina masyarakat yang adil dan berperikemanusiaan. Dalam dunia moden yang sering keliru antara kebebasan dan tanggungjawab, falsafah etika membantu menegakkan nilai-nilai universal yang penting untuk kelangsungan hidup bersama.

Bab 8: Falsafah Politik (muka surat 170-192).

Falsafah politik pula membincangkan idea-idea tentang kuasa, keadilan, kebebasan, hak asasi dan struktur pemerintahan. Perkataan politik berasal daripada perkataan Yunani: *politikos* (negara), *polites* (warganegara atau negara), *polis* (negara) dan *politeia* (hak warganegara). Bab ini menyorot pemikiran tokoh seperti Plato dalam karyanya, *Republic* (1987) yang membayangkan negara ideal yang diperintah oleh golongan bijaksana, Aristotle dalam bukunya *Politics* menjelaskan bahawa sesebuah negara itu adalah sebuah organisasi atau pertubuhan yang dibentuk untuk mencapai kebaikan di mana setiap ahli mempunyai peranan masing-masing. Machiavelli dalam naskhah kecilnya, *The Prince* (1935) menekankan realisme politik dan kepentingan kuasa, serta Rousseau dalam karyanya *Du contract social* atau *Social Contract* (1987) yang memperkenalkan konsep kontrak sosial sebagai asas kepada legitimasi pemerintahan.

Falsafah politik cuba menjawab persoalan tentang bagaimana masyarakat harus diatur untuk mencapai keadilan dan kesejahteraan.

Penulis turut membincangkan kritikan Machiavelli terhadap agama, bukan sahaja Kristian, malah agama lain juga termasuk para rasul atau nabi mereka. Namun, Kritikan beliau lebih terfokus kepada agama Kristian kerana Gereja terlampau menghalang aktiviti politik dalam kalangan penganutnya. Bab ini juga menunjukkan bahawa falsafah politik bukan sahaja relevan dalam teori, tetapi juga dalam amalan pemerintahan dan kehidupan bernegara. Ia membantu membina sistem politik yang berasaskan nilai, bukan semata-mata kuasa. Dalam dunia yang semakin kompleks dan berpecah, falsafah politik memberi panduan untuk membina masyarakat yang inklusif, adil dan berdaya tahan.

Bab 9: Falsafah Agama (muka surat 193-211).

Bab ini meneroka hubungan antara falsafah dan agama, dua bidang yang sering dianggap bertentangan tetapi sebenarnya saling melengkapi dalam usaha memahami hakikat kehidupan dan ketuhanan. Falsafah agama membincangkan persoalan-persoalan mendalam seperti kewujudan Tuhan, sifat-sifat ketuhanan, keimanan, wahyu, dan kehidupan selepas mati. Penulis menunjukkan bahawa falsafah boleh digunakan untuk menyokong kepercayaan agama melalui hujah rasional dan logik, tanpa menafikan peranan spiritual dan kepercayaan. Dalam sejarah falsafah Barat, tokoh seperti Aquinas yang berpendapat bahawa peranan falsafah agama adalah bersifat defensif dan apologetik, manakala dalam Islam, tokoh seperti al-Farabi dan Ibn Sina menggabungkan akal dan wahyu dalam memahami konsep ketuhanan.

Penulis turut membincangkan pendekatan falsafah terhadap isu-isu teologi seperti keadilan Tuhan, takdir dan kebebasan manusia. Dalam tradisi Islam, perdebatan antara golongan Muktazilah dan Ash'ariyah menunjukkan kepelbagaian pendekatan terhadap persoalan-persoalan ini. Muktazilah menekankan rasionalisme dan kebebasan manusia, manakala Ash'ariyyah menekankan kekuasaan mutlak Tuhan dan kebergantungan manusia kepada-Nya. Falsafah agama juga membincangkan konsep kenabian, wahyu sebagai sumber ilmu, dan peranan agama dalam membentuk akhlak serta pandangan hidup yang bermakna.

Akhirnya, bab ini menegaskan bahawa falsafah agama bukan bertujuan untuk menggantikan agama, tetapi untuk memperkukuh kefahaman terhadapnya. Ia membantu menjelaskan ajaran agama secara rasional, menjawab keraguan intelektual, dan membina keyakinan yang berasaskan ilmu. Dalam dunia moden yang sering mencabar kepercayaan tradisional, falsafah agama memainkan peranan penting dalam mempertahankan nilai-nilai spiritual dan moral, serta membina dialog antara agama dan sains, antara iman dan akal.

Bab 10 Falsafah Islam (ms. 212–248).

Bab terakhir ini menyorot perkembangan falsafah dalam tradisi Islam, bermula dari zaman awal hingga ke zaman kematangan. Penulis memperkenalkan tokoh-tokoh utama seperti al-Kindi, al-Farabi, Ibn Sina, al-Ghazali, al-Razi dan Ibn Rushd, yang masing-masing memberi sumbangan besar dalam pelbagai bidang falsafah. Al-Kindi (*Alkindus*) dikenali sebagai “ahli falsafah pertama Islam” kerana usaha beliau memperkenalkan pemikiran Yunani ke dalam dunia Islam. Al-Farabi (ahli falsafah Islam kedua) pula membina sistem falsafah yang menyeluruh, termasuk teori politik, sosiologi dan logik, serta konsep “negara utama” yang diperintah oleh individu sempurna. Ibn Sina pula mengembangkan metafizik dan epistemologi, dengan karya agungnya *al-Shifa* (hasil sintesis pemikiran Aristotle, pengaruh Neoplatonisme, teologi Islam dan falsafah mindanya) yang menjadi rujukan utama dalam dunia Islam dan Barat.

Penulis juga membincangkan peranan al-Ghazali dalam mengkritik falsafah yang terlalu bergantung kepada akal semata-mata. Dalam karya *Tahafut al-Falasifah*, beliau menolak beberapa pandangan falsafah yang bertentangan dengan ajaran Islam, terutamanya dalam isu ketuhanan dan kebangkitan jasad. Namun, al-Ghazali tidak menolak akal secara keseluruhan, sebaliknya menekankan keseimbangan antara akal dan wahyu. Ibn Rushd pula tampil sebagai tokoh yang cuba mengharmonikan antara falsafah dan agama, dengan hujah bahawa tidak ada pertentangan antara akal dan wahyu jika difahami dengan betul. Beliau menulis *Tahafut al-Tahafut* sebagai jawapan kepada al-Ghazali, dan menjadi tokoh penting dalam pemikiran falsafah Barat.

Akhir sekali, bab ini menegaskan bahawa falsafah Islam bukan sekadar meniru falsafah Yunani, tetapi membina kerangka pemikiran yang

berpaksikan tauhid dan nilai-nilai Islam. Falsafah Islam berkembang dalam suasana intelektual yang subur, merangkumi bidang metafizik, etika, politik, sains dan perubatan. Ia menunjukkan bahawa Islam bukan anti-falsafah, tetapi menyokong usaha intelektual yang membawa kepada kebenaran dan hikmah. Dalam konteks moden, falsafah Islam terus relevan sebagai asas kepada pemikiran kritikal, pembangunan ilmu dan pembinaan tamadun yang berteraskan nilai-nilai spiritual dan kemanusiaan.

Perbincangan

1. Tiga Dorongan Utama Penulisan Buku dalam Bidang Falsafah

Mengapakah buku ini ditulis? Menurut Ahmad Sunawari Long dalam Edisi Pertama buku *Sejarah Falsafah* (2006), iaitu dalam bahagian Prakata buku, tiga dorongan utama penulisan beliau dalam bidang falsafah adalah seperti berikut:

Pertama, mengenepikan fobia kebanyakan ahli masyarakat terhadap bidang falsafah, yang mereka anggap sebagai satu subjek yang sukar difahami dan membuang masa. Dorongan pertama ini terzahir daripada pengalaman beliau sendiri di mana beliau mendapati bahawa kebanyakan masyarakat beranggapan bahawa untuk memahami falsafah, mereka memerlukan imaginasi yang tinggi, kebolehan menggunakan logik dan perlu mempunyai kekuatan bahasa Inggeris. Tambahan pula, terdapat juga sebahagian ahli akademik yang beranggapan bahawa falsafah adalah sampah dan tidak boleh memberikan pendapatan yang cukup kepada mereka. Yang lebih parah adalah, sebahagian daripada mereka menganggap falsafah sebagai inovasi dalam agama yang wajib dihindari bagi mengelak daripada kesesatan akidah Islam (Ahmad Sunawari, 2006).

Kedua, memudahkan para pembaca memahami aspek falsafah sama ada dari segi sejarah atau teori. Ahmad Sunawari menyedari hakikat bahawa terdapat bahagian tertentu dalam bidang falsafah yang sukar difahami oleh sebahagian masyarakat, seperti ilmu metafizik. Ilmu metafizik ialah ilmu tentang kewujudan sesuatu yang bersifat sejagat (*kulli*). Lebih mudah difahami, ilmu ini mengkaji kewujudan benda atau zat yang wujud termasuk Tuhan (Ahmad Sunawari, 2021). Walaupun ilmu metafizik ini amat rumit untuk difahami, namun tidak bermakna tiada cara untuk memahaminya. Pendekatan yang jelas melalui teori Cave atau Garisan

Pembahaginya oleh Plato menggariskan kepentingan proses pemeringkatan dalam ilmu falsafah. Pendekatan ini digunakan oleh Ahmad Sunawari dalam menjelaskan falsafah dalam bentuk pengenalan yang dirasakan sesuai serta memudahkan kefahaman masyarakat di Malaysia dalam bidang falsafah (Ahmad Sunawari, 2006).

Ketiga, mengatasi kekurangan bahan bacaan berkaitan falsafah dalam bahasa ibunda, iaitu bahasa Melayu. Bahan bacaan dan rujukan berkaitan falsafah adalah kebanyakannya dalam bahasa Inggeris kerana dominasi dan monopoli bahasa tersebut dalam perkembangan falsafah di Barat yang bermula selepas Zaman Pertengahan (*Middle Age*) sehingga zaman kontemporari. Bahkan, perbincangan berkaitan falsafah sehingga kini masih menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium dalam pelbagai penerbitan jurnal, persatuan falsafah dan ratusan buku. Bahan bacaan dan rujukan dalam bahasa Melayu berkaitan falsafah kebanyakannya adalah terjemahan dari bahasa Inggeris. Buku falsafah dalam bahasa Indonesia juga merupakan hasil terjemahan dalam bahasa Inggeris (Ahmad Sunawari, 2006).

Secara keseluruhan, buku *Sejarah Falsafah* ini ditulis bagi mengetepikan fobia kebanyakan ahli masyarakat terhadap bidang falsafah, sebagai pemudah cara bagi para pembaca memahami aspek falsafah (sejarah atau teori) serta mengatasi kekurangan bahan bacaan berkaitan falsafah dalam bahasa Melayu yang sehingga kini didominasi oleh rujukan-rujukan dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, buku ini merupakan satu sumbangan penting dalam usaha membina tradisi keilmuan dalam bidang falsafah yang lebih menyeluruh dan seimbang.

2. Keistimewaan Buku *Sejarah Falsafah* (2021) Karya Ahmad Sunawari Long dan Perbezaannya Dengan Buku *Filsafat Umum: Akal dan Hati Sejak Thales Sampai James* (1992) Karya Ahmad Tafsir

Pertama, buku *Sejarah Falsafah* mempunyai pendekatan yang Islamik dan kontekstual. Buku ini menekankan hubungan falsafah dengan pemikiran Islam, menjadikannya relevan untuk pelajar pengajian Islam dan Usuluddin. Ia tidak sekadar menceritakan sejarah tokoh falsafah Barat, tetapi juga mengaitkan dengan tokoh falsafah Islam seperti Al-Farabi, Al-Kindi dan Ibn Sina. Manakala, buku *Filsafat Umum: Akal dan Hati Sejak*

Thales Sampai James pula mempunyai pendekatan humanistik dan psikologikal. Ahmad Tafsir telah menggabungkan unsur akal dan hati dalam memahami falsafah, menjadikan buku ini lebih reflektif dan mendalam dari segi pengalaman manusia.

Kedua, buku *Sejarah Falsafah* ditulis dalam bahasa Melayu yang jelas dan tersusun. Kebanyakan literatur falsafah ditulis dalam bahasa asing dan sukar diakses oleh para pelajar dan penyelidik tempatan. Buku *Sejarah Falsafah* merupakan sebuah rujukan penting yang ditulis dalam bahasa Melayu, menjadikannya mudah difahami tetapi tetap mengekalkan ketepatan istilah falsafah. Hal ini memudahkan penyelidik tempatan memahami dan mengembangkan kajian dalam bahasa ibunda. Berbanding buku *Filsafat Umum: Akal dan Hati Sejak Thales Sampai James* yang ditulis dalam bahasa Indonesia, menjadikannya agak sukar difahami oleh pelajar atau penyelidik di Malaysia.

Ketiga, buku *Sejarah Falsafah* ditulis dalam struktur yang sistematik. Buku ini membahagikan sejarah falsafah kepada era dan aliran pemikiran, memudahkan pembaca memahami perkembangan idea dari zaman Yunani hingga ke pemikiran kontemporari. Manakala, buku *Filsafat Umum: Akal dan Hati Sejak Thales Sampai James* pula ditulis dengan gaya yang lebih santai dan naratif, sesuai untuk pembaca umum yang ingin mengenali falsafah tanpa latar belakang akademik yang berat.

Akhir sekali, istimewanya buku *Sejarah Falsafah* ini kerana penulis menggabungkan tradisi falsafah Islam dan Barat. Salah satu keistimewaan utama buku ini ialah keupayaannya menyatukan wacana falsafah Islam dan falsafah Barat dalam satu kerangka yang seimbang. Ini amat bermanfaat kepada penyelidik yang ingin membuat perbandingan antara pemikiran tokoh-tokoh Islam seperti al-Farabi, Ibn Sina dan al-Ghazali dengan tokoh Barat seperti Plato, Aristotle dan Descartes. Manakala, buku *Filsafat Umum: Akal dan Hati Sejak Thales Sampai James* pula lebih memfokuskan kepada tokoh-tokoh falsafah Barat seperti Thales, Socrates, Descartes, Kant dan William James, dengan kupasan tentang idea-idea mereka berkaitan akal, jiwa dan moral. Namun, buku ini juga ada meyelitkan sedikit berkaitan nilai-nilai Timur dan Islam, menjadikannya jambatan antara dua dunia pemikiran.

Secara keseluruhannya, buku *Sejarah Falsafah* oleh Ahmad Sunawari Long merupakan sumber yang berharga dan istimewa kepada para penyelidik, bukan sahaja kerana kandungannya yang luas dan seimbang, tetapi juga kerana ia membina asas keilmuan yang penting dalam konteks pengajian falsafah Islam dan Barat di Malaysia.

Kesimpulan

Kesimpulannya, buku *Sejarah Falsafah* (2021) karya Ahmad Sunawari Long merupakan sebuah rujukan asas yang penting dalam memahami sejarah perkembangan falsafah, sama ada dari perspektif Barat mahupun Islam. Karya ini berjaya menghubungkan kedua-dua tradisi pemikiran tersebut dengan pendekatan yang seimbang, tersusun dan mudah difahami, sekali gus memudahkan para pelajar serta penyelidik mengenali asas pemikiran falsafah secara kronologi. Selain itu, usaha penulis menyediakan bahan bacaan dalam bahasa Melayu memberi sumbangan besar terhadap pengembangan wacana falsafah dalam konteks tempatan, kerana ia mengatasi kekurangan sumber rujukan asli yang selama ini banyak bergantung kepada terjemahan bahasa asing.

Di samping itu, kehadiran buku ini memperlihatkan komitmen Ahmad Sunawari Long dalam memperkukuh tradisi keilmuan falsafah Islam di Malaysia melalui pendekatan yang inklusif dan kontekstual. Walaupun perbincangannya masih berbentuk pengenalan, karya ini tetap berfungsi sebagai asas penting untuk membuka jalan kepada kajian falsafah yang lebih kritis dan mendalam. Justeru, *Sejarah Falsafah* bukan sahaja memberikan nilai akademik, tetapi juga berperanan sebagai medium pencerahan minda masyarakat terhadap kepentingan falsafah dalam membina pemikiran kritis, rasional serta berteraskan nilai kemanusiaan dan spiritual.

Rujukan

- Abdul Jalil, H. (1989). *Falsafah dan Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adel, A. (1996). *Aristotle and His Philosophy*. USA & UK: Transaction Publishers.
- Ahmad, T. (1990). *Filsafat Umum: Akal dan Hati Sejak Thales Sampai James*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Ahmad Sunawari, L. (2006). *Sejarah Falsafah*. Edisi Pertama. Bangi: Penerbit UKM.
- Ahmad Sunawari, L. (2015). *Sejarah Falsafah*. Edisi Kedua. Bangi: Penerbit UKM.
- Ahmad Sunawari, L. (2021). *Sejarah Falsafah*. Edisi Kedua. Bangi: Penerbit UKM.
- Fiebleman, J. K. (1986). *Understanding Philosophy*. New York: Horizon Press.
- HAMKA. (1940). *Falsafah Hidup*. Jakarta: Percetakan Citra Serumpun Padi.
- Hazmiza, I. & Akhmal, A. (2024). Kepentingan Ilmu Falsafah Kepada Perpaduan Masyarakat. In *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-9 (PASAK9 2024)*.1462-2469.
- Idris, Z., & Ahmad Sunawari, L. (2013). Titik Temu Antara Falsafah dan Kehidupan Praktis. *International Journal of Islamic Thought*, 3, 37-44.

- Laman Web Sarjana UKM. (2025). Curriculum Vitae Ahmad Sunawari Long.
https://ukmsarjana.ukm.my/main/muatturun_cv/SzAwNTg2OA==
- Locke, J. (1992). *An Essay Concerning Human Understanding: An Abridgement*. London: J. M. Dent & Sons Ltd.
- Luqman Arif, A. K. (2019, September 25). *Dua kursus wajib baharu UA. Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/611033/dua-kursus-wajib-baharu-ua>.
- McAleer, S. (2020). *Plato's Republic: An Introduction*. Cambridge, UK: Open Book Publishers.
- Muhammad Rijal, F. (2021). Hubungan Filsafat Dengan Ilmu Pengetahuan dan Relevansinya di Era Revolusi Industri 4.0 (Society 5.0). *Jurnal Filsafat*, 31(1), 130-161.
- Ros Aiza, M. M., & Latifah, A. L (Eds). (2022). *Falsafah dan Isu Semasa. Nilai*, Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Russell, B. (1991). *History of Western Philosophy*. London : Unwin Paperbacks.
- Wittgenstein, L. (2001). *Tractatus Logico-Philosophicus* (D. F. Pears & B. F. McGuinness, Trans.). London: Routledge.